

▼05/06/10-00MST

CNS2352

U GB 05-06 00182 BA587

bah

Mahathir - Agong

BANYAK LAGI USAHA BAGI TINGKATKAN EKONOMI NEGARA

KUALA LUMPUR, 5 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata walaupun ekonomi negara terus menunjukkan prestasi menggalakkan, kerajaan sedar banyak lagi usaha perlu dijalankan bagi memastikan negara terus maju dan makmur.

Untuk itu, kerajaan telah menggariskan dasar-dasar dan arah pembangunan sektor-sektor penting seperti pembangunan perindustrian, pertanian, pelancongan, alam sekitar serta sains dan teknologi, katanya dalam ucapan tahniah dan ikrar taat setia di majlis menghadap dan istiadat pengurniaan dariah kebesaran sempena ulangtahun hari keputeraan Yang di-Pertuan Agong di Istana Negara di sini.

Katanya, walaupun rakyat boleh berbangga dengan kejayaan ekonomi negara, mereka juga tidak seharusnya leka dan berpuas hati kerana tanggungjawab menentukan ekonomi terus berkembang adalah tanggungjawab semua pihak.

"Semua pihak harus memainkan peranan yang berkesan bagi terus mengawal inflasi kerana kerajaan khawatir jika inflasi tidak dikawal ianya akan memberi kesan negatif kepada negara," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata di samping memainkan peranan dengan mengurangkan perbelanjaan, rakyat juga perlu meningkatkan kadar simpanan mereka. -- Lagi

▼05/06/10-17MST

CNS2355

U GB 05-06 00155 BA588

bah

Mahathir - Acong 2 Kuala Lumpur

"Para pekerja kita juga boleh membantu dengan tidak menuntut kenaikan gaji yang berlebihan. Sebarang kenaikan gaji yang tidak selaras dengan peningkatan produktiviti dan kecekapan akan menyebabkan inflasi yang akan mensiakan-siakan sahaja pendapatan yang bertambah," katanya.

Perdana Menteri juga berkata kerajaan akan terus mengamalkan dasar pelaburan yang liberal untuk menggalakkan pelaburan asing, dan dalam hal ini, kerajaan akan memperbaiki lagi kemudahan-kemudahan infrastruktur yang diperlukan.

Usaha-usaha juga akan diteruskan bagi meningkatkan lagi keupayaan pekerja daripada segi produktiviti, kecekapan dan daya saingan memandangkan kelebihan yang ada pada negara hanyalah kos pekerja yang rendah berbanding dengan negara-negara maju, kata beliau.

Dr Mahathir berkata: "Dengan tidak mempunyai teknologi sendiri, modal dan pasaran dalaman yang mewah, kenaikan kos pekerja akan menghapuskan 'competitive edge' kita.

"Justeru itu, adalah penting pekerja tidak dihasut oleh kesatuan-kesatuan sekerja asing supaya menuntut upahan yang berlebihan." --  
Lagi

▼05/06/10-23MST

CNS2364

U GB 05-06. 00156 BA589

bah

Mahathir - Acong 3 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata langkah menggalakkan pelancongan juga merupakan satu strategi menambah pendapatan negara kerana bidang itu dijangka dapat mewujudkan lebih banyak pekerjaan, pendapatan, nilai ditambah serta pengwujudkan pelbagai rangkaian dengan sektor-sektor lain dalam pembangunan ekonomi negara.

Mengikut Rancangan Malaysia Keenam, teras pembangunan pelancongan adalah dengan tujuan memperluas dan mempelbagaikan aktiviti serta asas pelancongan, dan dengan itu kerajaan menetapkan tahun 1994 sebagai Tahun Melawat Malaysia, katanya.

Beliau berkata tahun ini juga merupakan tahun penting bagi negara menggerakkan usaha ke arah mencapai cita-cita menjadi negara maju.

"Cita-cita ini boleh dicapai jika semua pihak -- kerajaan, rakyat dan swasta -- berganding bahu dan bekerjasama rapat. Faktor utama yang perlu ditekankan ialah sikap yang komited terhadap keinginan untuk memajukan negara," katanya.

Selain itu, mereka juga perlu menanam sikap rajin berusaha, mempunyai disiplin yang tinggi serta mempunyai dedikasi terhadap kerja. -- Lagi

▼05/06/11-10MST

CNS2365

U GB 05-06 00128 BA590

bah

Mahathir - Agong 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri juga berkata kerajaan berasa bangga bahawa Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah menitikberatkan soal perjalanan jentera kerajaan dan mengambil berat mengenai kebajikan rakyat.

Kesediaan Seri Paduka menghadiri dan mendengar taklimat oleh jabatan-jabatan kerajaan memperlihatkan kesungguhan Seri Paduka untuk mengetahui dengan mendalam selok-belok dan dasar-dasar kerajaan, katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan dan negara juga menghargai minat Seri Paduka mengambil berat mengenai hubungan antarabangsa, dan dalam hal ini lawatan-lawatan Seri Paduka ke luar negara telah membantu Malaysia menjalin hubungan yang rapat dengan dunia luar.

Beliau menambah: "Kerajaan ingin menyatakan bahawa Malaysia akan sentiasa memainkan peranan yang cergas di peringkat antarabangsa tanpa segan dan takut." -- Bernama

HK MIB

▼05/06/11-11MST